

**SOKONGAN PIHAK BERKUASA TERHADAP  
PERTUMBUHAN PENJAJA DALAM KOMPLEKS GERAL.  
KAJIAN KES DI PULAU PINANG.**

oleh

**KHOO SUET LENG**

**Tesis diserahkan untuk memenuhi sebahagian keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sains Perancangan**

**PUSAT PENGAJIAN PERUMAHAN, BANGUNAN DAN PERANCANGAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
PULAU PINANG  
2001**

## PENGAKUAN

Saya akui latihan ilmiah ini adalah hasil usaha saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

23-3-2001

Tarikh




Tandatangan Pelajar  
**KHOO SUET LENG**

## PENGESAHAN PENYELIA

Saya akui bahawa latihan ilmiah ini telah dihasilkan oleh calon ini mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia.

23.03.01

Tarikh



Tandatangan Penyelia  
**DR RAHMAT AZAM MUSTAFA**

## ABSTRAK

Di negara membangun seperti Malaysia, penjaja wujud di mana-mana sahaja. Tergolong dalam sektor tidak formal, para penjaja mempunyai ciri-ciri tertentu untuk membezakan mereka daripada anggota sektor formal yang lain. Setakat ini, sektor tidak formal ini kerap-kalinya diabaikan begitu sahaja dalam pelbagai aspek dan perkara ini mengakibatkan data dan maklumat yang begitu terhad tentang sektor ini. Bayangkan suatu hari nanti apabila para penjaja hilang begitu sahaja dari senario bandar. Maka, sudah pastinya kita kehilangan suatu saluran pengedaran yang utama di mana barang boleh diperolehi dengan murah dan mudahnya. Di sini, fokus kajian adalah terhadap sejauhmana sokongan ataupun bantuan Pihak Berkuasa/Kerajaan dapat menyumbang terhadap pertumbuhan dan kemajuan para penjaja makanan dalam Kompleks Gerai di Pulau Pinang. Perkara ini adalah penting untuk mengetahui halatuju dan peranan para penjaja pada masa depan. Di samping itu, kajian juga bertujuan untuk mengenalpasti apa-apa masalah yang dihadapi oleh penjaja serta dikemukakan cadangan bernas yang diharap dapat mengatasi masalah tersebut. Dengan khazanah yang begitu terhad sekali tentang sektor tidak formal, diharapkan kajian ini berjaya menyumbang dan menjadi perintis kepada kajian-kajian akan datang. Walaupun suatu komponen yang agak kecil dalam kefungisian ekonomi bandar, peranan dan sumbangan sektor ini harus dititikberatkan untuk memastikan kesinambungan dan pertumbuhan sektor ini pada masa-masa yang akan datang.

## ABSTRACT

Hawkers have long been a ubiquitous feature in developing countries like Malaysia. Being part of the informal sector, hawkers have certain characteristics that distinguish them from workers of the formal sector. Up till now, the informal sector is often neglected and discounted in various aspects. Therefore, this clearly explains the scanty information and data related to it. Nevertheless, it will be extremely difficult to imagine someday in the future where all hawkers should suddenly vanish from the urban setting. Hence, this will cause us more than just losing sight of a unique feature in the city but also an alternative source of cheap and easily accessible goods. Specifically, the focus of this research is to gauge how far the support and aid extended by the respective Authorities/Government have contributed towards the growth and progress of hawkers in Hawker Complexes in Penang. This element is vital to foresee the role and destiny of hawkers in the near future. In addition, this research aims to identify some of the problems faced by hawkers so that immediate action and workable solutions can be proposed to remedy the situation. Besides that, as a result of limited literature written on the informal sector, this research also hopes to be the platform and starting point for more similar researches to come. Though a small component of the urban economy, the role and contribution of this sector should be highlighted to ensure its continuity and sustained growth in the future.

## PENGHARGAAN

Di sini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Dr. Rahmat Azam Mustafa** selaku penyelaras penyelidikan saya. Tanpa panduan dan tunjuk ajar yang bernas dari beliau, sudah pastinya penyelidikan ini tidak dapat dilakukan. Selain itu, ucapan terima kasih turut diberi kepada **Dr. Nurwati Badarulzaman** selaku Pembaca Kedua atas nasihat dan juga segala tunjuk ajarnya dalam kaedah-kaedah Statistik.

Di samping itu, saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada kawan karib saya **Lok Gak See** (sejak Ijazah Pertama) atas bantuan dan segala sokongan moralnya selama ini. Detik-detik kegembiraan dan kesusahan yang telah kami harungi sepanjang program Sarjana ini telah memperatkan lagi talian persahabatan kita. Tidak dilupai juga sekumpulan rakan baik yang telah saya kenali sepanjang menuntut kursus Sarjana ini iaitu **Chua Soh Kee, Syarifah Mimi, Ramli dan Nasir** di mana kami telah banyak berkongsi saat-saat yang manis dan pedih bersama.

Selain itu, tidak dilupai juga ucapan yang tidak terhingga kepada ahli keluarga saya, khususnya nenek, datuk, ibubapa dan juga adik bongsu saya yang begitu sabar dan banyak menyokong saya ketika penyelidikan ini sedang dijalankan. Dan kepada adik perempuan saya **Miew Leng**, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas segala-gala sokongan dan motivasinya.

Tambahan itu, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih turut diberi kepada semua pegawai dan kakitangan yang begitu bekerjasama dan murah hati dalam menghulurkan bantuan/maklumat kepada saya untuk menjayakan penyelidikan ini. Mereka adalah seperti berikut :

- **Encik Lim Lean Huat**, selaku *Pegawai Tadbir Kanan Jabatan Perlesenan, MPPP* yang telah memberi kerjasama dan bantuan yang optima sepanjang perjalanan penyelidikan ini.
- **Dr Oung Lam Seng** selaku *Pegawai Kesihatan Jabatan Perlesenan, MPPP* yang juga telah menghulurkan maklumat/data yang banyak kepada saya.
- **Encik Cheng Swee Thet** selaku *Inspektor Kesihatan Jabatan Perlesenan, MPPP* atas kerjasama beliau.
- **Encik Rezan Mohd. Noor** selaku *Pegawai Kesihatan Kanan, Jabatan Perlesenan, MPPP* atas maklumat yang diberi oleh beliau.

- **Encik Ooi Chin Loo** selaku *Penolong Setiausaha Perhubungan Awam* atas kerjasama beliau.
- **Encik Tanwir Misbah** dan **Encik Abdul Jabbar** selaku *Pembantu Pentadbir Kanan* dari Jabatan Perhubungan Awam yang telah memberi maklumat yang berguna kepada saya.
- **Puan Khoo Salma Nasution** selaku *Setiausaha Penang Heritage Trust* yang telah meminjamkan saya bahan dan laporan tentang aktiviti penjajaan makanan di Pulau Pinang.
- **Encik Mohd. Zahir Hambali** selaku *Pegawai Hal-Ehwal Ekonomi Pembiayaan, MARA* yang sudi ditemuduga oleh saya.
- **Encik Abdul Rahim** selaku *Pegawai Pusat Usahawan MARA* yang telah memberi saya bahan yang relevan dengan penyelidikan.
- **Puan Muhaini Azhar** selaku *Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi – Urusan Latihan & Kerjaya, MARA* atas maklumat penting yang diberi oleh beliau.
- **Encik Mohd. Zawawi** selaku *Penolong Pengarah Unit Penyelarasan & Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri* yang sudi ditemuduga oleh saya.
- **Puan Salmiah Ahmad** selaku *Pengurus UTAS Aspirasi Sdn. Bhd.* yang sudi ditemuduga oleh saya.
- **Dato' Yeoh Chip Tong** selaku *Presiden Gabungan Persatuan Penjaja Pulau Pinang dan Seberang Perai* dan *Kaunselor MPPP* kerana sudi ditemuduga oleh saya.
- **Encik Fazir Mat Nor** selaku *Timbalan Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu* kerana sudi ditemuduga oleh saya.
- **Encik Teh Choon Seng** selaku *Timbalan Setiausaha Penang Hawkers' Association* kerana sudi ditemuduga oleh saya.
- **Encik Thogalingam** selaku *Presiden Persatuan Penjaja Kecil India* kerana sudi ditemuduga oleh saya.

Tidak dilupakan juga, saya amat berterima kasih kepada semua penjaja di Kompleks Kota Selera, Medanika, Datuk Keramat, Lorong Kulit, Selera Sri Pantai, Bayan Baru, Kampung Melayu, Batu Lanchang, Padang Tembak, Pesiaran Gurney dan Mutiara Selera yang telah memberi kerjasama sepenuhnya dan sudi ditemuramah oleh saya. Terima kasih sekali lagi, kerana tanpa kerjasama anda semua sudah pastinya penyelidikan ini tidak dapat dilakukan.

Sekian, terima kasih.

# ISI KANDUNGAN

|                       |                                                 |             |
|-----------------------|-------------------------------------------------|-------------|
|                       |                                                 | ms          |
| <b>ABSTRAK</b>        |                                                 | <b>i</b>    |
| <b>PENGHARGAAN</b>    |                                                 | <b>iii</b>  |
| <b>ISI KANDUNGAN</b>  |                                                 | <b>v</b>    |
| <b>SENARAI JADUAL</b> |                                                 | <b>viii</b> |
| <b>SENARAI RAJAH</b>  |                                                 | <b>x</b>    |
| <b>SENARAI FOTO</b>   |                                                 | <b>xi</b>   |
| <b>SINGKATAN</b>      |                                                 | <b>xii</b>  |
| <br>                  |                                                 |             |
| <b>1.0</b>            | <b>PENDAHULUAN</b>                              | <b>1</b>    |
| 1.1                   | Pengenalan                                      | 1           |
| 1.2                   | Isu dan Masalah                                 | 6           |
| 1.3                   | Kepentingan Kajian                              | 8           |
| 1.4                   | Matlamat Kajian                                 | 9           |
| 1.5                   | Objektif                                        | 9           |
| 1.6                   | Hipotesis                                       | 9           |
| 1.7                   | Skop Kajian                                     | 10          |
| 1.8                   | Metodologi Kajian                               | 11          |
|                       | 1.8.1 Jenis Data                                | 14          |
|                       | 1.8.2 Prosedur Pengutipan Data                  | 15          |
|                       | 1.8.3 Rekabentuk Sampel                         | 15          |
|                       | 1.8.4 Pengukuran Data                           | 15          |
| 1.9                   | Rangkakerja Teori                               | 16          |
| 1.10                  | Struktur Tesis                                  | 17          |
| <br>                  |                                                 |             |
| <b>2.0</b>            | <b>RANGKA KERJA TEORI DAN SOROTAN LITERATUR</b> | <b>19</b>   |
| 2.1                   | Pengenalan                                      | 19          |
| 2.2                   | Teori Pembangunan                               | 19          |
|                       | 2.2.1 Tahap Pertumbuhan Menurut Rostow          | 19          |
|                       | 2.2.2 Tahap Perubahan Struktur                  | 20          |
|                       | 2.2.3 Teori Pergantungan                        | 21          |
|                       | 2.2.3.1 Teori Neo-Kolonialisme                  | 21          |
|                       | 2.2.3.2 Konsep Dualisme                         | 22          |
| 2.3                   | Konsep Sektor Tidak Formal                      | 27          |
|                       | 2.3.1 Teori Neo-Liberal                         | 34          |
|                       | 2.3.2 Konsep Campurtangan Kerajaan              | 36          |
|                       | 2.3.3 Teori Penjaja                             | 41          |
| 2.4                   | Teori Involusi Bandar                           | 43          |
| 2.5                   | Teori Keusahawan                                | 44          |
| 2.6                   | Sorotan Literatur                               | 46          |
| <br>                  |                                                 |             |
| <b>3.0</b>            | <b>METODOLOGI KAJIAN</b>                        | <b>62</b>   |
| 3.1                   | Pengenalan                                      | 62          |
| 3.2                   | Pendekatan Kajian                               | 62          |
| 3.3                   | Hipotesis                                       | 63          |
| 3.4                   | Kompleks Gerai – Struktur dan Organisasi        | 66          |
|                       | 3.4.1 Persampelan                               | 67          |

|            |                                                                         |           |
|------------|-------------------------------------------------------------------------|-----------|
| 3.4.2      | Unit Analisis                                                           | 72        |
| 3.4.3      | Saiz Sampel                                                             | 73        |
|            | 3.4.3.1 Pemilihan Kawasan Kajian                                        | 76        |
| 3.4.4      | Jenis Data                                                              | 77        |
| 3.4.5      | Tempoh Kajian                                                           | 78        |
| 3.5        | Rekabentuk Soal-Selidik                                                 | 78        |
|            | 3.5.1 Penjaja Makanan                                                   | 80        |
|            | 3.5.2 Pihak Berkuasa Tempatan                                           | 81        |
|            | 3.5.3 Agensi Kerajaan/Institusi Yang Lain                               | 81        |
|            | 3.5.4 Persatuan Penjaja                                                 | 81        |
| 3.6        | Analisis Data                                                           | 82        |
| 3.7        | Kekangan Kajian                                                         | 82        |
| <b>4.0</b> | <b>SISTEM PENJAJAAN : SENARIO DI PULAU PINANG</b>                       | <b>83</b> |
| 4.1        | Pengenalan                                                              | 83        |
| 4.2        | Sejarah Urbanisasi Di Pulau Pinang                                      | 83        |
|            | 4.2.1 Sejarah Perkembangan Penjaja Di Pulau Pinang                      | 84        |
|            | 4.2.2 Perkembangan Penjaja Mengikut Kategori Di Pulau Pinang            | 89        |
|            | 4.2.2.1 Pasar Awam                                                      | 89        |
|            | 4.2.2.2 Kompleks Gerai                                                  | 90        |
|            | 4.2.2.3 Gerai Di Jln Awam/Lrg Belakang/Kaki Lima/Tepi Bangunan          | 90        |
|            | 4.2.2.4 Penjaja Beredar                                                 | 90        |
|            | 4.2.2.5 Tapak Penjaja Sementara                                         | 91        |
|            | 4.2.2.6 Pasar Malam/Pasar Tani/Gerai Bermusim                           | 92        |
|            | 4.2.3 Sistem Kompleks Gerai Di Pulau Pinang                             | 92        |
| 4.3        | Jenis-Jenis Penjaja Makanan Di Pulau Pinang                             | 94        |
|            | 4.3.1 Penjaja Makanan Di Tepi Jalan                                     | 94        |
|            | 4.3.2 Kedai Kopi/Kedai Makanan Dalam Bangunan                           | 95        |
|            | 4.3.3 Penjaja Makanan Di TPS/Pasar Malam/Pasar Minggu                   | 95        |
|            | 4.3.4 Penjaja Makanan Dalam Kompleks Gerai/Medan Selera                 | 96        |
|            | 4.3.5 'Food Court' Dalam Gedung – Konsep Penjajaan Moden                | 97        |
|            | 4.3.6 Restoran Moden/Hotel                                              | 97        |
| 4.4        | Peranan Pihak Berkuasa Tempatan                                         | 98        |
|            | 4.4.1 Unit Penjaja, Gerai dan Pasar Malam                               | 98        |
|            | 4.4.2 Unit Pasar, Kompleks dan Tapak Penjaja Sementara                  | 99        |
| 4.5        | Definisi Penjaja                                                        | 105       |
|            | 4.5.1 Undang-Undang Kecil Penjaja 1979                                  | 105       |
|            | 4.5.2 Undang-Undang Kecil 19                                            | 107       |
|            | 4.5.3 Undang-Undang Kecil (Pengendali Makanan) MPPP, 1983               | 108       |
|            | 4.5.4 Garis Panduan/Polisi Penjaja Yang Berkaitan                       | 109       |
| 4.6        | Dasar Ekonomi Baru                                                      | 111       |
|            | 4.6.1 Program ' <i>Bumiputera Commercial and Industrial Community</i> ' | 114       |
|            | 4.6.2 Majlis Amanah Mara (MARA)                                         | 117       |
|            | 4.6.3 Skim Tabung Pusingan Penjaja dan Modal Peniaga Kecil Melayu       | 121       |
|            | 4.6.4 Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)                        | 122       |
|            | 4.6.5 <i>Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC)</i>         | 123       |
|            | 4.6.6 Tabung Usahawan Kecil (TUK)                                       | 124       |
|            | 4.6.7 Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)                       | 124       |
|            | 4.6.8 Skim Jaminan Ushawan Kecil (SJUK)                                 | 125       |
|            | 4.6.9 Bank-Bank Perdagangan                                             | 125       |
| 4.7        | Persatuan Penjaja                                                       | 126       |



|            |                                                            |            |
|------------|------------------------------------------------------------|------------|
| 4.7.1      | Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu                 | 126        |
| 4.7.2      | <i>Penang Hawkers' Association</i>                         | 128        |
| 4.7.3      | Persatuan Penjaja Kecil India                              | 130        |
| 4.7.4      | Gabungan Persatuan Penjaja Pulau Pinang dan Seberang Perai | 132        |
| 4.8        | Kesimpulan                                                 | 135        |
| <b>5.0</b> | <b>PENEMUAN KAJIAN</b>                                     | <b>136</b> |
| 5.1        | Pengenalan                                                 | 136        |
| 5.2        | Butir Peribadi Penjaja                                     | 136        |
| 5.3        | Maklumat Latarbelakang Penjaja                             | 142        |
| 5.4        | Butiran Pekerjaan Semasa                                   | 145        |
| 5.5        | Sokongan/Bantuan Dari Pihak Berkuasa Tempatan/Kerajaan     | 149        |
| 5.6        | Sokongan/Bantuan Dari Organisasi Lain                      | 154        |
| 5.7        | Masalah Yang Dihadapi Oleh Penjaja                         | 156        |
| 5.8        | Persepsi Masa Depan Penjaja                                | 158        |
| <b>6.0</b> | <b>IMPLIKASI KAJIAN</b>                                    | <b>171</b> |
| 6.1        | Pengenalan                                                 | 171        |
| 6.2        | Implikasi Terhadap Rangka Kerja Teoretikal                 | 171        |
| 6.2.1      | Teori Pembangunan                                          | 171        |
| 6.2.2      | Teori Neo-Liberal (Reformis)                               | 176        |
| 6.2.3      | Teori Penjaja                                              | 178        |
| 6.2.4      | Teori Involusi Bandar                                      | 179        |
| 6.2.5      | Teori Keusahawanan                                         | 179        |
| 6.3        | Implikasi Campurtangan Kerajaan                            | 181        |
| 6.4        | Implikasi Organisasi/Pengurusan/Pentadbiran                | 185        |
| 6.4.1      | Pihak Berkuasa Tempatan                                    | 185        |
| 6.5        | Implikasi Operasi Menjaja Makanan Dalam Kompleks Gerai     | 187        |
| 6.5.1      | Penjaja                                                    | 187        |
| 6.5.2      | Pengumpulan Modal                                          | 188        |
| 6.5.3      | Pembangunan Keusahawanan                                   | 189        |
| 6.6        | Implikasi Terhadap Para Penjaja Sekira Adanya Bantuan      | 190        |
| 6.7        | Implikasi Terhadap Para Penjaja Sekiranya Tanpa Bantuan    | 193        |
| 6.8        | Implikasi Penemuan Kajian Berhubungkait Hipotesis          | 194        |
| 6.9        | Masalah Yang Dikenalpasti                                  | 195        |
| <b>7.0</b> | <b>KESIMPULAN</b>                                          | <b>199</b> |
| 7.1        | Pengenalan                                                 | 199        |
| 7.2        | Cadangan                                                   | 200        |
| 7.2.1      | Cadangan Untuk Pihak Berkuasa                              | 201        |
| 7.2.2      | Cadangan Untuk Persatuan Penjaja                           | 203        |
| 7.2.3      | Cadangan Untuk Penjaja                                     | 205        |
| 7.3        | Masa Depan Penjaja                                         | 205        |
| 7.4        | Kajian Lanjutan                                            | 207        |
| 7.5        | Kesimpulan                                                 | 208        |

## SENARAI JADUAL

|               | ms  |
|---------------|-----|
| Jadual 1.1 :  | 2   |
| Jadual 2.1 :  | 28  |
| Jadual 3.1 :  | 64  |
| Jadual 3.2 :  | 66  |
| Jadual 3.3 :  | 74  |
| Jadual 3.4 :  | 75  |
| Jadual 3.5 :  | 75  |
| Jadual 3.6 :  | 75  |
| Jadual 3.7 :  | 76  |
| Jadual 3.8 :  | 77  |
| Jadual 4.1 :  | 87  |
| Jadual 4.2 :  | 90  |
| Jadual 4.3 :  | 91  |
| Jadual 4.4 :  | 91  |
| Jadual 4.5 :  | 93  |
| Jadual 4.6 :  | 100 |
| Jadual 4.7 :  | 103 |
| Jadual 4.8 :  | 107 |
| Jadual 4.9 :  | 110 |
| Jadual 4.10 : | 110 |
| Jadual 4.11 : | 113 |
| Jadual 4.12 : | 114 |
| Jadual 4.13 : | 119 |
| Jadual 4.14 : | 125 |
| Jadual 5.1 :  | 136 |
| Jadual 5.2 :  | 137 |
| Jadual 5.3 :  | 138 |
| Jadual 5.4 :  | 139 |
| Jadual 5.5 :  | 140 |
| Jadual 5.6 :  | 140 |
| Jadual 5.7 :  | 141 |
| Jadual 5.8 :  | 141 |
| Jadual 5.9 :  | 141 |
| Jadual 5.10 : | 142 |
| Jadual 5.11 : | 143 |
| Jadual 5.12 : | 144 |
| Jadual 5.13 : | 145 |
| Jadual 5.14 : | 145 |
| Jadual 5.15 : | 146 |
| Jadual 5.16 : | 146 |
| Jadual 5.17 : | 149 |
| Jadual 5.18 : | 150 |
| Jadual 5.19 : | 150 |
| Jadual 5.20 : | 151 |

|               |                                                                                                           |     |
|---------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Jadual 5.21 : | Latihan Dan Kaunseling Yang Diperolehi Oleh Penjaja Pada Masa Ini                                         | 152 |
| Jadual 5.22 : | Jenis Bantuan Yang Diperlukan Ketika Mula-Mula Berniaga                                                   | 152 |
| Jadual 5.23 : | Jenis Bantuan Dan Pihak Yang Dikunjungi Ketika Mula-Mula Berniaga                                         | 153 |
| Jadual 5.24 : | Jenis Masalah Yang Dikenalpasti                                                                           | 158 |
| Jadual 5.25 : | Kadar Kekosongan Gerai Dalam Kompleks Gerai Di Pulau Pinang                                               | 159 |
| Jadual 5.26 : | Masa Depan Penjaja Berhubung Tempoh Penjaja Sudah Menjaja                                                 | 160 |
| Jadual 5.27 : | Bantuan Yang Diperlukan Oleh Penjaja Mengikut Kaum Jika Hendak Mengembangkan Perniagaan                   | 161 |
| Jadual 5.28 : | Jenis Bantuan Yang Diperlukan Penjaja Mengikut Etnik Jika Hendak Mengembangkan Perniagaan                 | 162 |
| Jadual 5.29 : | Etnik Penjaja Berhubung Sumber Bantuan Yang Dikunjungi Ketika Mengembangkan Perniagaan                    | 163 |
| Jadual 5.30 : | Jenis Bantuan Dan Sumber Yang Akan Dikunjungi Jika Hendak Mengembangkan Perniagaan Mengikut Etnik Penjaja | 164 |
| Jadual 5.31 : | Masa Depan Anak Para Penjaja                                                                              | 165 |
| Jadual 5.32 : | Ujian-t Untuk Masa Depan Anak Penjaja                                                                     | 166 |
| Jadual 5.33 : | Masa Depan Penjaja Mengikut Etnik                                                                         | 168 |
| Jadual 5.34 : | Perbandingan Bantuan Yang Diperlukan Ketika Mula Berniaga Dan Ketika Hendak Mengembangkan Perniagaan      | 168 |
| Jadual 7.1 :  | Cadangan Kompleks Gerai (Oleh Pemaju Swasta) Yang Belum Diserahkan Lagi Kepada MPPP, 2001                 | 200 |

## SENARAI RAJAH

|                                                                                                                   | ms  |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Rajah 1.1 : Metodologi Kajian                                                                                     | 12  |
| Rajah 1.2 : Proses Penyelidikan                                                                                   | 13  |
| Rajah 2.1 : Hubungkait Antara Litaran Atasan Dan Litaran Bawahan                                                  | 24  |
| Rajah 2.2 : Ciri-Ciri Litaran Atasan Dan Litaran Bawahan                                                          | 26  |
| Rajah 3.1 : Taburan Penjaja Berdasarkan Etnik Dalam Kompleks Gerai Mengikut Zon                                   | 68  |
| Rajah 3.2 : Kaedah Persampelan Berstrata Dwi-Peringkat Untuk Mendapat Sampel Penjaja                              | 69  |
| Rajah 3.3 : Sampel Kompleks Gerai Yang Dilawati Mengikut Zon                                                      | 70  |
| Rajah 3.4 : Lokasi Sampel Kompleks Gerai Yang Akan Dikunjungi Mengikut Zon                                        | 71  |
| Rajah 4.1 : Susunatur Gerai Makanan Dalam Kompleks Penjaja                                                        | 96  |
| Rajah 5.1 : Taburan Penjaja Mengikut Etnik                                                                        | 139 |
| Rajah 5.2 : Sebab Penjaja Mula Menjaja                                                                            | 144 |
| Rajah 5.3 : Sumber Modal Permulaan Oleh Penjaja                                                                   | 147 |
| Rajah 5.4 : Pola Penggunaan Keuntungan Oleh Penjaja                                                               | 148 |
| Rajah 5.5 : Jenis Bantuan Yang Diterima Oleh Penjaja Pada Masa Ini                                                | 150 |
| Rajah 5.6 : Peratusan Penjaja Yang Menjadi Ahli Persatuan Penjaja                                                 | 156 |
| Rajah 5.7 : Faedah Yang Diperolehi Dari Persatuan Penjaja                                                         | 156 |
| Rajah 5.8 : Peratusan Penjaja Yang Menghadapi Masalah                                                             | 158 |
| Rajah 5.9 : Darjah Persaingan Antara Penjaja                                                                      | 160 |
| Rajah 5.10 : Masa Depan Anak Penjaja Mengikut Etnik                                                               | 167 |
| Rajah 5.11 : Perbandingan Bantuan Yang Diperlukan Ketika Mula Berniaga Dan Ketika Hendak Mengembangkan Perniagaan | 169 |
| Rajah 5.12 : Perbandingan Sumber Yang Dikunjungi Ketika Mula Berniaga Dan Semasa Hendak Mengembangkan Perniagaan  | 170 |

## SENARAI FOTO

|             | ms                                                                    |
|-------------|-----------------------------------------------------------------------|
| Foto 4.1 :  | Penjaja Terawal Pulau Pinang 84                                       |
| Foto 4.2 :  | Penjaja Tepi Jalan 94                                                 |
| Foto 4.3 :  | 'Kopitiam' Di Pulau Pinang 95                                         |
| Foto 4.4 :  | Tapak Penjaja Sementara – Gurney Drive 95                             |
| Foto 4.5 :  | Kompleks Penjaja Selera Mutiara Di Tanjung Bungah 96                  |
| Foto 4.6 :  | Medan Selera Sri Weld Yang Baru Dibuka Di Lebuhraya Pantai 96         |
| Foto 4.7 :  | McDonald's – Restoran Makanan Segera Modern 97                        |
| Foto 4.8 :  | Jabatan Perlesenan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang 98                |
| Foto 4.9 :  | Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu 126                        |
| Foto 4.10 : | Penang Hawkers' Association 128                                       |
| Foto 4.11 : | Persatuan Penjaja India 130                                           |
| Foto 6.1 :  | Keadaan Kompleks Lorong Kulit Yang Kotor Dengan Sampah 196            |
| Foto 6.2 :  | Suasana Kompleks Lorong Kulit Yang Tidak Begitu Menarik 196           |
| Foto 6.3 :  | Gerai Kosong 'Didiami' Pengemis Di Kompleks Pesiaran Gurney 197       |
| Foto 6.4 :  | Gerai Kosong Ditimbuni Kerusi Rosak Di Kompleks Selera Sri Pantai 197 |
| Foto 6.5 :  | Gerai Kosong Digunakan Oleh Penjaja Lain Di Batu Lanchang 198         |
| Foto 6.6 :  | Gerai Kosong Di Kompleks Lorong Kulit 198                             |

## SINGKATAN

|         |   |                                                               |
|---------|---|---------------------------------------------------------------|
| ASEAN   | = | <i>Association of South-East Nations</i>                      |
| BCIC    | = | <i>Bumiputera Commercial and Industrial Community</i>         |
| CGC     | = | <i>Credit Guarantee Corporation Sdn. Bhd.</i>                 |
| DEB     | = | Dasar Ekonomi Baru                                            |
| DPN     | = | Dasar Pembangunan Nasional                                    |
| FAMA    | = | Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan                       |
| ILO     | = | <i>International Labour Office</i>                            |
| KEMAS   | = | Bah. Kemajuan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar |
| KWSP    | = | Kumpulan Wang Simpanan Pekerja                                |
| MARA    | = | Majlis Amanah Rakyat                                          |
| MPPP    | = | Majlis Perbandaran Pulau Pinang                               |
| MPSP    | = | Majlis Perbandaran Seberang Perai                             |
| NDP     | = | <i>National Development Policy</i>                            |
| NGO     | = | <i>Non-Government Organization</i>                            |
| PBT     | = | Pihak Berkuasa Tempatan                                       |
| PDC     | = | <i>Penang Development Corporation</i>                         |
| PDPN    | = | Pusat Daya Pengeluaran Negara                                 |
| PERDA   | = | <i>Penang Regional Development Authority</i>                  |
| PERNAS  | = | Perbadanan Nasional                                           |
| PKEN    | = | Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri                            |
| PKN     | = | Pejabat Kemajuan Negeri                                       |
| PPC     | = | <i>Penang Port Commission</i>                                 |
| PROSPER | = | Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan            |
| PUNB    | = | Perbadanan Usahawanan Nasional Berhad                         |
| PUSMA   | = | Pusat Usahawan Mara                                           |
| PUTEK   | = | Program Usahawan Teknikal                                     |
| SEWA    | = | <i>'The Self-Employed Women's Association'</i>                |
| SJUK    | = | Skim Jaminan Usahawan Kecil                                   |
| TEKUN   | = | Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga                           |
| TIKS    | = | Tabung Industri Kecil dan Sederhana                           |
| TPIKS   | = | Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana                 |
| TUK     | = | Tabung Usahawan Kecil                                         |
| UDA     | = | <i>Urban Development Authority</i>                            |
| UNDP    | = | <i>United Nation Development Programme</i>                    |

## 1.0 PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Di kebanyakan negara membangun di Asia, penjaja merupakan suatu aktiviti yang bersepadu dalam ekonomi bandar di mana para penjaja merangkumi sebahagian besar daripada sektor tidak formal bandar. Proses urbanisasi yang menyaksikan penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar telah meningkatkan populasi bandar secara mendadak. Sejak 1950, penduduk di kawasan bandar telah bertambah sebanyak tiga kali ganda dan pada 1985, angka ini telah mencacah 1.98 bilion. Menurut Laporan 'Our Common Future' (1987, 1989), penduduk bandar di negara membangun telah meningkat dari 286 juta (1950) menjadi 1.4 bilion pada 1985. Menjelang tahun 2000, perangkaan 'United Nations' telah menunjukkan 80% daripada pertumbuhan populasi berlaku di kawasan bandar negara-negara membangun di mana 45% daripada populasi akan menghuni di bandar. Menjelang 2025 pula, lebih 60% daripada 8.3 bilion penduduk di dunia akan menghuni di kawasan bandar. (*People & the Planet*, 1996:9)

Dalam konteks Malaysia pula, penduduk bandar Malaysia telah meningkat dari 28.8% pada 1970 menjadi 40% pada 1990. Tambahan itu, pada tahun 2000 ini telah dijangka lebih kurang 45% daripada penduduk akan tinggal di bandar. (Rahmat, 1999:1-1) Oleh itu, kewujudan penjaja biasanya dikaitkan dengan proses urbanisasi dan pengangguran yang berlaku di bandar dan seterusnya membawa kepada kelahiran sektor tidak formal ini yang berkait rapat dengan konsep dualisme ekonomi bandar di kebanyakan negara-negara membangun. Lazimnya, lebih kurang satu perempat sehingga setengah daripada populasi di bandar yang tidak mempunyai pekerjaan yang stabil.

*"Given the scarcity of jobs in the 'formal sector', most big cities in the developing world have fostered a burgeoning 'informal sector' which provides much of the cheap goods and services essential to city economies, businesses and consumers."*

*(Earthscan, 1989:22)*

Di Malaysia, kadar urbanisasi adalah sejajar dengan pertumbuhan ekonomi. Menurut Rancangan Malaysia Ketujuh, pada 1980 populasi yang menghuni di bandar hanyalah 35% dan kemudiannya angka ini telah meningkat menjadi 55% pada 1995. (Malaysia, 1996:154) Secara ringkasnya, **Jadual 1.1** di bawah menunjukkan kadar urbanisasi mengikut negeri di Malaysia.

**Jadual 1.1 : Kadar Urbanisasi Di Malaysia (Mengikut Negeri)**

| Negeri              | 1980 | 1991 <sup>1</sup> | 1995 | 2000 | RM6 | RM7 |
|---------------------|------|-------------------|------|------|-----|-----|
| Johor               | 35.2 | 48                | 51.8 | 56.4 | 4.6 | 4   |
| Kedah               | 14.4 | 33.1              | 36.9 | 42.1 | 4.7 | 4.2 |
| Kelantan            | 28.1 | 33.7              | 35.7 | 39.4 | 4.3 | 4.5 |
| Melaka              | 23.4 | 39.4              | 44   | 49.8 | 4.1 | 3.5 |
| Negeri Sembilan     | 32.6 | 42.5              | 44.7 | 47.6 | 3.3 | 2.8 |
| Pahang              | 26.1 | 30.6              | 31   | 33.7 | 3.5 | 3.2 |
| Perak               | 26.1 | 30.6              | 31.9 | 33.7 | 3.6 | 2.8 |
| Perlis              | 32.2 | 54.3              | 60.5 | 67.8 | 5.5 | 5   |
| Pulau Pinang        | 8.9  | 26.7              | 30.4 | 35.3 | 3.1 | 2.3 |
| Sabah <sup>2</sup>  | 19.9 | 32.8              | 35.2 | 38.2 | 7.9 | 7.1 |
| Sarawak             | 18   | 37                | 43.4 | 50.5 | 5.6 | 4.8 |
| Selangor            | 34.2 | 75                | 82.6 | 89.4 | 6.1 | 4.6 |
| Terengganu          | 42.9 | 44.6              | 45.1 | 45.7 | 3.5 | 3.1 |
| Wilayah Persekutuan | 100  | 100               | 100  | 100  | 1.6 | 1.2 |
| Kuala Lumpur        | 34.2 | 51.1              | 54.7 | 58.8 | 4.5 | 3.8 |

(Sumber : Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000)

<sup>1</sup> Berdasarkan Bancian Penduduk dan Perumahan, 1991

<sup>2</sup> Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan

Sejak tahun 1980 lagi, aktiviti menjaja ini telah menyumbangkan lebih kurang 21,800 pekerjaan ataupun kira-kira 12% daripada jumlah keseluruhan pekerja di Pulau Pinang. (Goh, 1989:1) Menurut Laporan 'Food and Agriculture Organization' (1989) pula, menjaja makanan di tepi jalan merupakan suatu industri yang tumbuh dengan pesat (*Fast-Growing Industry*) di Pulau Pinang. Aktiviti ini menduduki tempat kedua selepas sektor pembuatan komponen elektronik dari segi penjanaan pendapatan kepada Pulau Pinang. (FAO, 1990:2)

Penjaja juga merupakan suatu ciri utama di bandar-bandar di Asia Tenggara sepertinya di Malaysia, Negara Thai, Indonesia, Singapura dan Filipina. Menurut McGee dan Yeung (1977),



para penjaja yang menceburi aktiviti ini kebanyakannya terdiri daripada mereka yang berpendidikan rendah, tidak berkemahiran, dan mempunyai modal yang sedikit. Oleh itu, aktiviti menjaja ini seolah-olahnya menyediakan suatu peluang pekerjaan dan pendapatan yang baik kepada mereka.

Selaras ini, aktiviti penjajaan merupakan satu cabang perniagaan yang begitu popular di negara ini dan pengguna boleh membeli apa sahaja keperluan daripada penjaja-penjaja. Perniagaan yang dilangsungkan oleh para penjaja adalah begitu luas dan pelbagai. Misalnya, seseorang pengguna boleh membeli jarum, butang baju, pakaian, alat solek, kasut, buku, kaset, pita video, jam tangan, barang-barang kemas tiruan, radio dan seribu satu macam lagi barang keperluan. Bagi mereka yang ingin menjamu selera pula, penjaja juga tidak kurang hebatnya dalam menawarkan beraneka jenis makanan dan minuman. Beginilah senario penjajaan yang wujud di semua kota besar dan pekan kecil di negara ini. (Utusan Malaysia, 19 Oktober 1988)

Walaupun suatu ciri yang lazim dalam struktur peruncitan dan perkhidmatan di bandar-bandar Asia Tenggara, Pihak Berkuasa di bandar menganggap penjaja sebagai 'masalah' utama yang menggugat fungsi dan peranan sesebuah bandar. Penjaja akan menggunakan jalan yang diperuntukkan untuk kenderaan dan mengakibatkan masalah kebersihan, sanitasi, kesesakan lalulintas dan lain-lain. Menurut McGee dan Yeung (1977), secara lazimnya Pihak Berkuasa di bandar Asia menguatkuasakan polisi terhadap penjaja berdasarkan keperluan yang lebih bersifat pragmatik. Namun demikian, polisi yang digubal ini bukanlah berdasarkan kepada maklumat yang sahih mengenai aktiviti dan peranan penjaja di bandar. Sebaliknya, polisi ini dibangunkan sebagai tindakbalas kepada keadaan tertentu seperti kesesakan lalulintas, pencemaran dan lain-lain.

Menurut Myint (1970), Singer (1970) dan Yeung (1975), sektor penjaja yang tergolong dalam sektor tidak formal telah 'dianaktirikan' dari pelbagai segi seperti kesukaran dalam memperolehi sumber kredit, modal, teknologi yang telah membawa kepada kewujudan dualisme di negara membangun. (McGee dan Yeung, 1977:49) Namun demikian dalam konteks Malaysia, campurtangan kerajaan Malaysia terhadap aktiviti peniaga kecil dan penjaja adalah menggalakkan. Berbeza dengan Pihak Berkuasa di negara Asia Tenggara yang lain, kerajaan Malaysia telah melaksanakan polisi yang lebih positif dan mesra terhadap penjaja untuk meningkatkan peluang pekerjaan kalangan penduduk bandar yang menganggur dan miskin. Menurut Rahmat (1999), aktiviti penjajaan boleh dilihat sebagai suatu alternatif bagi pekerjaan dan juga pembangunan keusahawanan di kalangan penduduk yang berpendapatan rendah.

Berikutan ini, kerajaan Malaysia melalui agensi-agensinya yang tertentu seperti MARA, PERDA, penguasa-penguasa tempatan, Baitulmal, Perbadanan Pembangunan Bandar dan Pemas Edar telah menghulurkan sokongan dan bantuan dalam bentuk pinjaman kredit, khidmat nasihat untuk peniaga bermasalah, latihan keusahawanan dan pelbagai bentuk bantuan pemasaran. Contohnya, pada tahun 1972, kerajaan telah menubuhkan Syarikat Jaminan Kredit (SJK) untuk memberi bantuan dan pinjaman kewangan. Usaha seterusnya dapat dilihat melalui kerjasama Syarikat Jaminan Kredit dengan Bank Bumiputra, Malayan Banking, United Malayan Banking Corporation dan Kwong Yik Bank yang memberi pinjaman kepada peniaga kecil dan penjaja dengan peruntukan RM 30 juta. Melalui skim bantuan ini, Syarikat Jaminan Kredit menawarkan pinjaman untuk memulakan perniagaan tanpa cagaran, iaitu tidak kurang daripada RM500 dan tidak melebihi RM3000. Pinjaman sehingga RM5000 diluluskan untuk kes-kes yang tertentu. (Utusan Malaysia, 19 Oktober 1988) Skema lain adalah seperti Tabung Usahawan Kecil (TUK), Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN).

Selain itu, badan kerajaan seperti MARA juga telah menawarkan program khas kepada golongan Bumiputera seperti Program Penilaian dan Kaunseling Usahawan, Program Pembiayaan Perniagaan dan Program Pembangunan Infrastruktur Perniagaan. Tambahan itu, Latihan Keusahawanan, Program Pemasaran, Skim Khidmat Pakar Runding juga ditawarkan. Selaras itu, Yayasan Bumiputera Pulau Pinang telah memperuntukkan RM 1 juta ke dalam Tabung Modal Pusingan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Pulau Pinang untuk membantu mereka dari segi kewangan agar mereka dapat membeli alat perniagaan ataupun untuk modal pusingan. (UTAS, 2000) Di samping itu, program bantuan keusahawanan lain juga dianjurkan oleh badan kerajaan seperti PERDA dan UDA. Namun, setakat ini kebanyakan bantuan ini adalah dikhaskan kepada golongan Bumiputera sahaja. Oleh itu, fokus kajian adalah untuk melihat sejauhmana pertumbuhan penjaja dipengaruhi oleh bantuan kerajaan ataupun bantuan dari badan bukan kerajaan seperti Persatuan Penjaja ataupun Dewan Perniagaan Kumpulan Etnik masing-masing.

Pada tahap yang lebih rendah, Majlis Perbandaran Pulau Pinang melalui Jabatan Perlesenan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Pemajuan Negeri, Jabatan Perhubungan Awam telah memainkan peranan dalam menyokong para penjaja dari segi perlaksanaan polisi dan penguatkuasaan undang-undang sahaja terhadap penjaja. Selain itu, jabatan-jabatan ini juga bertanggungjawab ke atas penyediaan tempat menjaja, pengeluaran lesen, pemberian taklimat kepada penjaja, penyemakan kesihatan dan tindakan-tindakan lokasi dan struktur lain dalam percubaan mengawal tindak-tanduk dan meningkatkan kebajikan para penjaja. Adalah nyata bahawa Pihak Berkuasa Tempatan tidak menawarkan sebarang bantuan kewangan kepada para penjaja di Pulau Pinang.

Menurut McGee dan Yeung (1977), pelbagai polisi yang berbentuk positif telah digunakan oleh pentadbir-pentadbir bandar terhadap penjaja. Perbandingan polisi antara negara-negara di Asia

Tenggara telah menunjukkan sejak 1969, bandar-bandar di Malaysia menggunakan polisi yang paling positif untuk menggalakkan aktiviti penjajaan. Sebelum 1969, Kerajaan Tempatan menggunakan polisi yang ketat yang mengehad pengeluaran lesen terhadap penjaja, dengan menetapkan aktiviti penjaja di lokasi yang spesifik selain mengenakan denda ke atas penjaja yang melanggar peraturan ini. Sejak perkara hitam 13 Mei 1969, kerajaan Malaysia telah menggubal polisi untuk meningkatkan peluang pekerjaan bagi penghuni bandar. Keadaan ini wujud ekoran Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kedua (1971-75). Antara lain, objektif utama polisi ini adalah untuk mengurangkan kemiskinan penduduk melalui peningkatan tahap pendapatan, menstrukturkan semula masyarakat Malaysia serta merapatkan jurang ketidakseimbangan antara komuniti etnik. (McGee dan Yeung, 1977:49). Seterusnya, aktiviti penjajaan di bandar Asia juga mewujudkan konflik di antara sektor moden dan tradisional. Amalan penjaja tradisional yang menjual di tepi jalan, lorong dan tempat awam telah memaksa mereka berkonfrontasi dengan keperluan sektor moden untuk ruangan (*space*) di mana Pihak Berkuasa bandar merupakan 'orang tengah' dalam menyelesaikan sebarang konflik yang timbul. (McGee dan Yeung, 1977:21)

## 1.2 Isu Dan Masalah

Dunia penjajaan tidak terlepas dari belunggu permasalahan, sama ada yang diwujudkan oleh para penjaja itu sendiri atau yang berkaitan institusi-institusi kewangan dan penguasa-penguasa tempatan. Oleh itu, masalah dan nasib penjaja turut menarik perhatian kerajaan yang menyediakan pelbagai kemudahan, bantuan, sokongan dan kewangan untuk meningkatkan taraf hidup dan pendapatan mereka. Sejak Zaman Kemerdekaan dengan pelancaran Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan-Rancangan Malaysia, pelbagai sokongan dan bantuan telah dihulur oleh kerajaan kepada usahawan dan peniaga kecil seperti bantuan kredit modal, latihan, khidmat nasihat, pemasaran untuk membantu golongan ini berjaya dalam perniagaan mereka. Tambahan itu, sejak Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Keempat (RME), 1981-1985 inisiatif

yang lebih serius daripada pihak kerajaan telah dimulakan dalam memperkenalkan sektor ekonomi tidak formal di bandar-bandar besar di Semenanjung Malaysia. (Razali Agus, 1992:169) *Persoalan di sini ialah adakah golongan penjaja makanan masak ini menerima manfaat dan sokongan serta bantuan kerajaan ini? Seterusnya, juga ingin diketahui sejauhmanakah bentuk sokongan ini telah membawa kepada perkembangan dan pembangunan usahawan di kalangan penjaja makanan.*

Menurut Sethuraman (1981), didapati bahawa sektor tidak formal mampu mengumpul harta, boleh tumbuh dan berkembang melalui masa di mana semua akan dipergiatkan melalui sokongan kerajaan. Berikutan ini, indikator-indikator akan digunakan untuk melihat sejauhmana penjaja makanan telah tumbuh dan berkembang iaitu dengan mengkaji keupayaan penjaja makanan untuk *mengumpul harta* seperti membeli rumah, kenderaan, kelengkapan ataupun mempunyai simpanan kewangan. Indikator lain adalah sejauhmana tahap *pembangunan keusahawanan* penjaja makanan. Ini melihat kepada keupayaan atau peluang untuk penjaja bertukar kepada pekerjaan yang lebih baik pada masa depan ataupun meninjau samada wujudnya opsyen untuk penjaja membuka kedai serta mengetahui samada generasi akan datang mereka akan juga menceburi dalam aktiviti penjajaan makanan ini.

Walaupun wujudnya paradoks yang menyatakan bahawa pekerjaan penjaja kini adalah menguntungkan dan terjaminnya suatu masa depan yang cerah, dan kewujudan bantuan dan sokongan kerajaan tidak membawa makna yang signifikan kepada sesetengah penjaja. Namun, perkara ini masih tidak terbukti kesahihannya dan diharapkan kajian ini dapat mendalami topik ini dengan lebih teliti lagi. Dalam tujuan mencari penyelesaian, fokus kajian adalah ke atas penilaian persepsi ataupun pendapat pengusaha (penjaja makanan masak) di dalam Kompleks Gerai di Pulau Pinang tentang sokongan ataupun bantuan Pihak Berkuasa ke atas mereka.

Isu seterusnya melihat kepada tingkahlaku penjaja yang tidak berfikiran sivik. Keadaan ini dibuktikan oleh masalah yang dibawa bersama-sama dengan kehadiran penjaja. Apakah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan dalam mendidik dan membantu penjaja untuk lebih berdisiplin dan meningkatkan imej mereka agar dapat berkembang dan memantapkan kedudukan mereka pada masa hadapan. Menurut Rahmat (1999), isu-isu seperti peranan Pihak Berkuasa Tempatan dalam pertumbuhan keusahawanan penjaja adalah penting untuk dikaji untuk memahami potensi dan masa depan aktiviti penjajaan. Kajian seumpama ini juga dapat digunakan untuk membantu Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengenalpasti komponen-komponen dalam sektor penjajaan yang selama ini agak 'diabaikan' oleh Pihak Berkuasa Tempatan dalam agenda perancangan pembangunan bandar dan umat manusia sejagat.

### **1.3 Kepentingan Kajian**

Setakat ini, data dan maklumat tentang aktiviti penjaja di Malaysia adalah terhad, namun kajian oleh McGee dan Yeung (1977), Lam (1981) dan Rahmat (1999) telah menyediakan suatu asas yang baik untuk kajian dan penyelidikan yang akan datang. Penulis-penulis ini telah menunjukkan kepentingan peranan penjaja sebagai pembekal bahan makanan dan bukan makanan kepada orang ramai. Di samping itu, aktiviti penjajaan juga mewujudkan peluang yang penting kepada mereka yang kurang berpengalaman, tidak berpendidikan, tiada modal untuk mendapat pekerjaan dan pendapatan. Walaupun penulisan McGee dan Yeung (1977) dan Rahmat (1999) telah menyentuh serba-sedikit tentang polisi dan penguatkuasaan pihak berkuasa ke atas penjaja di bandar-bandar utama di Asia Tenggara tetapi sokongan ataupun bantuan seperti bantuan modal, latihan, khidmat nasihat dan bantuan pemasaran oleh kerajaan sesebuah negara terhadap penjaja makanan masih kurang diberi perhatian. Oleh itu, dalam konteks Malaysia secara amnya dan Pulau Pinang secara khususnya, tema utama kajian ini adalah melihat kepada sejauhmana pertumbuhan dan masa depan penjaja makanan dalam Kompleks

Gerai dari segi bantuan dan sokongan yang dihulur oleh Pihak Berkuasa Tempatan ataupun kerajaan kepada mereka.

#### **1.4 Matlamat Kajian**

Matlamat kajian adalah melihat kepada peranan dan tanggungjawab Pihak Berkuasa dalam memberi sokongan dan bantuan kepada penjaja makanan dalam Kompleks Gerai dari segi pengembangan dan pembangunan perniagaan mereka. Hal ini disebabkan pertumbuhan sektor penjaja banyak bergantung kepada sokongan dan bantuan dari Pihak Berkuasa. Diharap penemuan dari kajian dapat membantu Pihak Berkuasa dalam merombak semula penyediaan jenis bantuan ataupun sokongan yang dihulurkan kepada para penjaja.

#### **1.5 Objektif**

- Menentukan peranan Pihak Berkuasa terhadap pertumbuhan sektor penjaja makanan masak di dalam Kompleks Gerai.
- Menyediakan suatu profil sosio-ekonomi penjaja berlesen yang menjual makanan (yang telah dimasak).
- Mengenalpasti persepsi penjaja sendiri terhadap prospek dan masa depan sektor penjajaan.
- Mengkaji sebab-sebab sektor tidak formal masih kekal sehingga hari ini.
- Mengenalpasti ancaman dan persaingan terhadap sektor penjaja makanan.
- Membekalkan cadangan kepada Pihak Berkuasa yang berkenaan.

#### **1.6 Hipotesis**

Hipotesis ialah satu kenyataan yang bersifat syak dan berbentuk sementara bagi hubungan di antara satu angkubah dengan satu angkubah yang lain. Tujuan dan skop penyelidikan adalah untuk mengenalpasti pertumbuhan dan masa depan sektor penjaja makanan dari segi sokongan dan bantuan oleh Pihak Berkuasa.

Dengan merujuk kepada permasalahan di atas, maka hipotesis kajian ini ialah :

*'Aktiviti perniagaan penjajaan makanan masak dalam Kompleks Gerai tidak berkembang pada masa depan tanpa bantuan/sokongan dari Pihak Berkuasa/Kerajaan.'*

### 1.7 Skop Kajian

Skop kajian adalah mengenai penilaian persepsi dan aktiviti harian penjaja makanan masak dalam Kompleks Gerai terhadap pertumbuhan perniagaan serta masa depan mereka selaras dengan bantuan ataupun sokongan dari Pihak Berkuasa. Mereka adalah penjaja makanan masak dalam Kompleks Gerai yang dimiliki samada oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang, PDC, Pejabat Kemajuan Negeri, UDA, Pesuruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPC) dan PERDA. Kompleks-kompleks ini adalah tertabur di seluruh Pulau Pinang mengikut zon-zon yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perlesenan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Walaupun kebanyakan penjaja di Kompleks Gerai ini menjual makanan masak, namun terdapat sebilangan juga yang menjual barangan am. Namun, tumpuan dan sasaran kajian adalah penjaja yang menjual makanan masak dalam Kompleks Gerai seperti penjaja yang menjual ayam goreng, mee goreng, satay, buah-buahan dipotong, minuman dan sebagainya.

Dari segi pemilihan lokasi kajian, suatu gambaran keseluruhan (*overview*) tentang senario aktiviti penjajaan di Pulau Pinang adalah penting. Maka, kaedah persampelan berstratifikasi dwi-peringkat telah digunakan untuk memilih Kompleks Gerai yang akan disampel dari Zon A hinggalah ke Zon F. Seterusnya, zon-zon akan distratifikasi semula lagi untuk memperoleh responden mengikut pecahan kaum. *Stratifikasi sampel adalah berdasarkan pecahan kaum dan BUKAN berasaskan barangan yang dijual oleh penjaja.* Secara amnya, Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan *bantuan yang seragam kepada semua penjaja* iaitu melalui pembekalan infrastruktur fizikal seperti bekalan air, elektrik, tempat mencuci dan sebagainya.



Namun, bantuan/sokongan dari agensi kerajaan (MARA, PERDA, UDA) dan organisasi bukan kerajaan (Persatuan Penjaja, Dewan Perniagaan) pula menawarkan bantuan/sokongan yang berlainan kepada kumpulan etnik yang berlainan. Umpamanya, segala program bantuan kewangan dan latihan keusahawanan yang ditawarkan oleh MARA adalah khas untuk penjaja dan peniaga kecil Bumiputera sahaja dan bukan untuk kaum-kaum yang lain.


Seterusnya, penetapan bagi jenis penjaja yang akan dikaji juga telah ditetapkan kriterianya. Kriteria pertama adalah hanya penjaja yang menjual makanan yang masak sahaja yang akan dikaji. Ini merangkumi penjaja yang masak 'in-situ' di Kompleks Gerai dan juga penjaja yang masak di rumah dan jual 'in-situ' di Kompleks Gerai. Kriteria kedua pula ialah hanya penjaja yang berlesen sahaja yang akan dikaji, yakni penjaja yang berdaftar dengan Jabatan Perlesenan, MPPP.

## 1.8 Metodologi Kajian


Kaedah yang bersesuaian perlu digunakan untuk menguji dan membuktikan kesahihan kenyataan hipotesis yang telah dikemukakan. Seterusnya, metodologi kajian juga menggariskan langkah-langkah dan cara untuk memperolehi maklumat dan data berkenaan persepsi penjaja makanan tentang masa hadapan mereka. Sila rujuk **Rajah 1.1** untuk metodologi kajian dan **Rajah 1.2** untuk menerangkan urutan proses penyelidikan.

Metodologi penyelidikan ini dipengaruhi oleh faktor masa, kewangan, matlamat dan objektif, skop penyelidikan, hipotesis penyelidikan serta rangka kerja teoritikal. Untuk memastikan penyelidikan ini dijalankan secara sistematik dan berjaya, maka jenis data, kaedah pengutipan data, pengukuran serta kaedah-kaedah analisis perlu ditetapkan terlebih dahulu mengikut tujuan dan budibicara penyelidik.

**Rajah 1.1 : Metodologi Kajian**



Rajah 1.2 : Proses Penyelidikan



(Diubahsuai dari Babbie, 1995 :101)

### 1.8.1 Jenis Data

Kedua-duanya data primer dan data sekunder akan digunakan dalam penyelidikan ini. Berikutan ini, pelbagai kaedah pengutipan data akan digunakan mengikut keperluan dan kepenggunaan data oleh penyelidik.

#### i. Data Primer

Penyelidikan ini menggunakan 3 jenis unit analisis untuk memperolehi data primer iaitu:

- a. *Pengusaha*, yang melibatkan penjaja makanan masak dalam Kompleks Gerai di Pulau Pinang.
- b. *Organisasi/Institusi*, seperti jabatan-jabatan dan agensi di bawah Majlis Perbandaran Pulau Pinang, agensi-agensi kerajaan seperti MARA, Syarikat UTAS Aspirasi, Unit Penyelarasan dan Perlaksanaan, dan badan-badan bukan kerajaan.
- c. *Komuniti*, yang melibatkan persatuan-persatuan penjaja dan dewan-dewan perniagaan.

#### ii. Data Sekunder

Data sekunder yang akan digunakan untuk penyelidikan ini termasuklah:

- a. Laporan Penyemakan Rancangan Struktur Pulau Pinang (Jun 1998)
- b. Rancangan Malaysia Kedua sehinggalah Rancangan Malaysia Ketujuh
- c. Laporan-laporan lain yang berkaitan
- d. Jurnal dan majalah terkini
- e. Penyelidikan/Tesis yang berkaitan
- f. Maklumat sejarah
- g. Maklumat dari Internet
- h. Suratkhabar
- i. Sebarang dokumen lain yang berkaitan

## **1.8.2 Prosedur Pengutipan Data**

### **i. Data Primer**

Temuduga Separa Struktur akan dijalankan ke atas kedua-dua unit analisis organisasi dan komuniti untuk mengetahui pendapat dan pandangan mereka tentang topik penyelidikan. Sementara itu, kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal-selidik akan digunakan untuk menemubual penjaja makanan masak dalam Kompleks Gerai di Pulau Pinang.

### **ii. Data Sekunder**

Data sekunder akan diperolehi melalui kajian sejarah dan kajian sedia ada.

## **1.8.3 Rekabentuk Sampel**

Kajian ini akan menggunakan metod-metod kuantitatif dan kualitatif sepertinya kaedah bancian (dengan menggunakan borang soal-selidik), persampelan rawak berstratifikasi, Temuduga Separa Struktur serta kaedah pemerhatian untuk mengumpul data dan maklumat. Kaedah bancian digunakan untuk mengutip data tentang penjaja dan perniagaan mereka. Temuduga Separa Struktur pula digunakan untuk mendapat pandangan dan pendapat dari pegawai dari Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Jabatan Perlesenan, Jabatan Kesihatan dan lain-lain. Akhirnya, metod pemerhatian pula adalah untuk mendapat data dan maklumat tentang aspek fizikal penjaja seperti keadaan gerai, kebersihan dan lain-lain.

## **1.8.4 Pengukuran Data**

### **i. Data Primer**

Data dan maklumat berbentuk kualitatif akan diagregat dan dipiawaikan untuk memudahkan kerja-kerja penafsiran. Jawapan yang diperolehi dari Temuduga Separa Struktur daripada setiap unit analisis akan dipiawaikan untuk memudahkan penilaian ke atasnya di mana darjah kepercayaannya juga dapat diketahui. Di samping itu, data-data kuantitatif yang diperolehi dari

bancian yang menggunakan borang soal-selidik akan dikodkan dan dimasukkan ke dalam komputer di mana perisian SPSS dan Excel akan digunakan untuk tujuan penganalisan yang melibatkan teknik-teknik statistik.

## ii. Data Sekunder

Data Sekunder yang diperolehi adalah digunakan sebagai pelengkap dan untuk mengukuhkan hasil penemuan kepada data primer.

## 1.9 Rangka Kerja Teori

Penggunaan konsep dan teori yang bersesuaian adalah teramat penting untuk membantu dalam menghasilkan suatu penemuan kajian yang sahih dan realistik. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan beberapa teori sepertinya berikut :

- *Teori Pembangunan* yang akan digunakan ialah konsep dualisme ekonomi yang terkandung dalam Teori Pergantungan. Ciri dualisme ekonomi yang dominan di negara kita yang melahirkan sektor tidak formal dan seterusnya sektor penjaja makanan. Selain, Model Pertumbuhan Rostow, Model Perubahan Struktur, pandangan aliran pemikiran Reformis juga diutarakan sebagai sebahagian daripada rangka kerja teoritikal.
- *Teori Sektor Tidak Formal* yang menghuraikan konsep-konsep tentang sejarah perkembangan, definisi dan masalah dalam sektor tidak formal.
- *Teori Penjaja* untuk mengenali definisi, ciri dan aktiviti harian golongan yang merupakan sasaran kajian ini.
- *Teori Perancangan* untuk membantu dalam lebih memahami masalah, isu serta penyediaan cadangan ataupun penyelesaian.

## 1.10 Struktur Tesis

**BAB 1** menjelaskan isu dan masalah, matlamat, objektif, hipotesis, skop kajian, metodologi kajian (yang ringkas), rekabentuk sampel serta cadangan rangka kerja teori. Bab ini bertujuan memberi suatu gambaran keseluruhan tentang topik kajian.

**BAB 2** pula memerihalkan tentang rangka kerja teoritikal yang menyentuh tentang teori-teori yang relevan, iaitu Teori Pembangunan, Teori Sektor Tidak Formal, Konsep Dualisme, Konsep Campurtangan Kerajaan, Teori Involusi Bandar, Teori Penjaja serta pemahaman literatur (*Literature Review*) atas penyelidikan yang berkaitan dengan topik ini.

**BAB 3** memberi fokus ke atas metodologi kajian. Pendekatan kajian, matlamat, objektif, kaedah pengutipan data serta kekangan kajian akan diterperincikan dalam bahagian ini.

**BAB 4** memerihalkan senario keseluruhan aktiviti penjajaan di Pulau Pinang. Bab ini juga merangkumi pengertian dan definisi aktiviti penjajaan di samping mengenalpasti jenis sokongan dan bantuan yang dihulur oleh kerajaan. Tambahan itu, bab ini juga menyentuh serba-sedikit tentang perspektif masa dahulu dan semasa tentang aktiviti bandar ini.

**BAB 5** menumpu perhatian kepada penganalisan hasil dapatan dari bancian dan pemerhatian yang telah dijalankan. Seterusnya, analisis juga memberi fokus kepada sokongan yang diterima oleh penjaja serta keupayaan untuk penjaja makanan berevolusi dan bertumbuh pada masa depan.

**BAB 6** mengkaji implikasi kajian terhadap sektor tidak formal secara amnya dan penjaja Kompleks Gerai secara khususnya. Peranan penjaja makanan dalam mengoperasi dan mengurus perniagaan mereka juga diambilkira untuk melihat hubungkait di antara sokongan

kerajaan dengan tahap pertumbuhan oleh golongan ini. Seterusnya, implikasi hasil kajian juga melihat impak sokongan kerajaan dalam pembangunan dan pertumbuhan penjaja makanan pada masa ini dan masa hadapan. Penemuan hasil kajian kajian juga akan dikaitkan dengan hipotesis di samping mengenalpasti masalah kajian yang berkait dengan topik kajian.

BAB 7 akan mengemukakan cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah yang dikenalpasti dalam Bab 6. Selain itu, bab ini juga mengutarakan tentang prospek dan masa depan penjaja makanan Kompleks Gerai. Saranan untuk kajian lanjutan juga dikemukakan di bahagian akhir ini.



## 2.0 RANGKA KERJA TEORI DAN SOROTAN LITERATUR

### 2.1 Pengenalan

Ekoran proses urbanisasi yang pesat, negara-negara membangun kini sedang menghadapi banyak cabaran pembangunan. Negara-negara ini juga telah mengalami banyak perubahan sepanjang hayat proses pembangunan mereka. Dalam kajian tentang kehadiran sektor tidak formal dalam ruang dan ekonomi negara membangun, maka teori-teori seperti Teori Pembangunan, Teori Pergantungan (Teori Neo-Kolonialisme dan Konsep Dualisme) serta Konsep Sektor Tidak Formal dan teori-teori lain akan diutarakan di sini.

Secara umumnya, konsep tidak formal ini dipelopori oleh Keith Hart (1972) dan banyak mendapat perhatian para penyelidik International Labour Office (ILO) sejak tahun-tahun 1970an. Perbincangan topik ini melibatkan dua aliran pemikiran yang berlainan iaitu golongan Reformis (ILO dan Bank Dunia) dan golongan Marxist. Golongan pertama iaitu golongan Reformis menganggap sektor tidak formal ini berpotensi untuk tumbuh dan mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih banyak. Lantaran itu, kerajaan-kerajaan di negara membangun telah diseru untuk memberi sokongan dan galakan kepada sektor ini. Sementara itu, golongan Marxist pula memberi tumpuan kepada perhubungan struktural antara sektor formal dan sektor tidak formal. Bersesuaian dengan matlamat kajian, rangka teori hanya memberi fokus kepada aliran Reformis sahaja.

### 2.2 Teori Pembangunan

#### 2.2.1 Tahap Pertumbuhan Menurut Rostow (*Linear Stages-of-Growth Model*)

Teori tahap pertumbuhan ekonomi yang dipelopori oleh Walt W. Rostow ini seolah-olahnya merupakan penjelasan sejarah mengenai pembangunan ekonomi. Teori ini diterima luas dan mempengaruhi dasar pembangunan di negara maju dan negara sedang membangun dalam

Dekad Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu yang pertama, iaitu pada tahun 1950-1960an.

(Jomo, 1986:15)

Pada dasarnya, teori ini mengatakan bahawa peralihan sesebuah negara dari kemunduran ke pembangunan adalah digambarkan oleh satu siri 5 tahap yang perlu dilalui oleh setiap negara. Tambahan itu, negara-negara membangun juga akan mengikuti jejak langkah negara maju di mana Rostow telah mengaitkan pembangunan dengan keupayaan sesebuah negara untuk menabung, melabur dan dengan itu, meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan sebenar. Menurut Rostow lagi, setiap negara dalam dimensinya boleh dikenalpasti berada di tahap-tahap pertumbuhan yang tertentu iaitu :

- a) Masyarakat Tradisional
- b) Tahap Peralihan/Prasyarat untuk pelancaran
- c) Tahap Pelancaran
- d) Peringkat Kematangan
- e) Peringkat Penggunaan Massa Besar-Besaran

### 2.2.2 Teori Perubahan Struktur (*Structural Change Model*)

Fokus utama Teori Perubahan Struktur ialah perubahan mekanisma pembangunan ekonomi di mana perubahan struktur ekonomi daripada struktur ekonomi domestik/tradisional (pertanian) kepada ekonomi moden (perindustrian, perkilangan dan perkhidmatan). Oleh itu, dua pendekatan utama teori ini ialah *Dwi Sektor Lebihan Pekerja* yang dipelopori oleh W. Arthur Lewis dan *Corak Pembangunan* yang didukung oleh Hollis Chenery. (Todaro, 1994:74)

Pada asasnya, teori ini berkaitan bekalan buruh yang tidak terhad dalam sektor pertanian yang membawa kepada lebihan buruh dalam sektor pertanian yang menyebabkan pengeluaran marginal buruhnya adalah sifar. Dalam keadaan ini pula, Lewis telah menyarankan bahawa

lebih buruh ini boleh berhijrah dan bekerja di luar daripada sektor pertanian iaitu di sektor moden bandar tanpa mengurangkan hasil pertanian tersebut.

Sementara itu, Model Chenery pula menganalisis corak pembangunan dari segi perubahan struktur yang memfokus kepada proses urutan di mana struktur ekonomi, industri dan institusi sesuatu ekonomi mundur akan diubah untuk memberi peluang kepada industri baru untuk menggantikan sektor pertanian tradisional sebagai enjin pertumbuhan ekonomi.

### 2.2.3 Teori Pergantungan (*Dependency Theory*)

Pendekatan ini melihat keadaan kemunduran (*underdevelopment*) sesuatu negara dari segi hubungan (kuasa) domestik dan antarabangsa yang mengakibatkan fenomena ekonomi dan masyarakat yang dualistik. Oleh itu, teori strukturalis merupakan satu pendekatan untuk menggabungkan faktor ekonomi dan institusi dalam satu model 'sistem sosial'. Menurut Todaro (1977), model '*international-structuralist*' ini melihat negara Dunia Ketiga seolah-olah bergantung kepada negara maju. (Todaro, 1977:55)

Teori pergantungan ini boleh dibahagikan kepada 3 komponen utama, yakni Model Pergantungan Neo-Kolonialisme, Model Paradigma Palsu dan Konsep Dualisme. Dalam konteks kajian sektor tidak formal, hanya Model Pergantungan Neo-Kolonialisme dan Konsep Dualisme sahaja yang akan dikaji.

#### 2.2.3.1 Teori Neo-Kolonialisme (*Neo-Colonial Dependence Theory*)

Lanjutan dari pemikiran Marxist, teori ini mengatakan bahawa kewujudan dan pengekaln kemunduran negara-negara Dunia Ketiga adalah disebabkan oleh evolusi persejarahan sistem kapitalis antarabangsa yang tidak seimbang antara negara kaya dengan negara miskin. Sebagai salah satu dari teori dalam Teori Pergantungan, teori ini juga mengatakan bahawa hubungan di

antara negara membangun dan negara maju di mana negara membangun adalah bergantung kepada negara maju. Pada masa yang sama, Dos Santos telah menganggap pergantungan sebagai satu keadaan di mana ekonomi sesebuah negara itu dipengaruhi secara langsung oleh pertumbuhan dan pembangunan ekonomi di sebuah negara yang lain. Selain itu, analisa perkaitan Teori Pergantungan dan pihak strukturalis yang melihat pembangunan sebagai satu hubungan di antara pinggir dan pusat.

Seterusnya keadaan telah membawa kepada kewujudan bersama negara miskin dan kaya dalam sebuah sistem antarabangsa yang didominasi oleh hubungan kuasa yang tidak seimbang di 'pusat' (*center*) dan 'pinggir' (*periphery*) telah menggugat percubaan masyarakat miskin (di pinggir) untuk berdikari. (Todaro, 1977:55) Dengan jelasnya, aktiviti dari negara pusat ini biasanya tidak bersungguh-sungguh dalam membantu keadaan di negara pinggir. Menurut Dos Santos (1973), keadaan kemunduran (*underdevelopment*) di negara pinggir disebabkan oleh satu bentuk pembangunan kapitalis yang dikenali sebagai kapitalisme pergantungan. Beliau juga menyatakan bahawa setiap jenis pergantungan ini telah mengubahsuai struktur dalaman setiap negara pinggir yang telah membawa kepada struktur dualistik yang nyata di negara pinggir. (Lim, 1991:105)

### 2.2.3.2 Konsep Dualisme

Pada peringkat awalan, teori dualisme tradisional-modern diutarakan untuk mengkaji sektor kapitalis dan sektor saradiri di mana ia merupakan asas analisis bagi konsep masyarakat moden dan tradisional. (Boeke, 1953 dan Lewis, 1958) Juga, pada tahun 1950an pula, Geertz telah menggunakan konsep ekonomi firma (*Firm-Centred Economy*) dan ekonomi bazaar (*Bazaar Economy*) untuk melihat keadaan ekonomi bandar di Modjokuto, Indonesia. Walaupun bagaimanapun, hubungan di antara sektor formal dan tidak formal jarang dibincangkan kerana kedua-dua sektor ini dianggap wujud secara berasingan. Pada hakikatnya, menurut sarjana

seperti Tokman (1978) dan Santos (1979), yang mengatakan sememangnya wujud perhubungan di antara kedua-dua sektor ini. Contohnya, Tokman (1978) telah mengatakan bahawa hubungan kedua-dua sektor ini boleh wujud dalam beberapa keadaan – ditakluki, dikuasai dan saling memerlukan. (Alip dan Rahmat, 1994:3)


Di sini, konsep dualisme bermakna pembahagian kegiatan ekonomi bandar kepada dua sektor iaitu sektor tidak formal dan sektor formal. (Geertz, 1963; Hart, 1971; ILO, 1972; Broomley, 1979) Konsep ekonomi dualisme dan juga konsep marginal sosial (*Social Marginality*) telahpun diutarakan oleh Boeke sejak 1953 di mana beliau telah menghuraikan ekonomi dualisme sebagai ekonomi yang merangkumi ekonomi pasaran bandar (*Urban Market Economy*) yang bersifat kapitalis dan juga ekonomi saradiri (*Rural Subsistence Economy*) yang menggunakan sistem pengeluaran jenis pertanian.

Sementara itu, aliran dualistik ini juga mendapat kritikan kerana terdapat beberapa kelemahan yang telah membawa kepada aliran pemikiran 'pergantungan' (Frank, 1967; Moser, 1978) Menurut aliran 'pergantungan' dalam kegiatan-kegiatan pengeluaran di sektor tidak formal yang berasaskan punca-punca pengeluaran tempatan kini adalah dalam peralihan di antara punca-punca pengeluaran zaman pra-kapitalis dan punca-punca pengeluaran kapitalis. Keadaan ini telah menunjukkan buruh samada di sektor formal ataupun tidak formal telah dipecah-pecah menjadi bahagian kecil dan pasaran buruh kini menjadi lebih kompleks. Justeru itu, wujudnya pembezaan sosial yang kompleks yang telah menyukarkan pengenalpastian kumpulan sasaran yang perlu diberi perhatian kerana bukan semua yang miskin menceburi diri dalam sektor tidak formal. Sementara itu, kekurangan aliran pergantungan telah dikenalpasti terutamanya dari segi pola-pola pertumbuhan dan perkembangan sektor tidak formal. (Ismail Stapa, 1998:5)

Oleh itu, McGee (1982) telah menyarankan untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan miskin bandar kerana beliau melihat sektor ini sebagai serba kekurangan. Menurutnya lagi, untuk membantu mereka dasar awam yang memberikan keutamaan kepada sektor tidak formal boleh membawa kesan-kesan pembangunan yang tertentu. Sehubungan itu, McGee (1982) telah menyarankan galakan terhadap dasar awam untuk sektor tidak formal dengan andaian bahawa bantuan dan pertolongan daripada Pihak Berkuasa dapat memberi faedah kepada golongan berpendapatan rendah dan miskin di Negara Dunia Ketiga.

Menurut Milton Santos (1975) pula, sesebuah bandar tidak harus dikaji sebagai suatu entiti yang sama, tetapi harus dilihat sebagai 2 sub-sistem iaitu Litaran Atas (*Upper Circuit*) dan Litaran Bawah (*Lower Circuit*). Secara ringkasnya, litaran atas terdiri daripada industri perbankan, eksport, industri bandar yang moden, perkhidmatan dan lain-lain. Sementara itu, litaran bawah pula merangkumi bentuk pembuatan dan perkhidmatan yang tidak berintensifkan modal, bukan moden dan berskala kecil iaitu aktiviti dijalankan oleh sektor tidak formal. Sila rujuk **Rajah 2.1** hubungkait antara kedua-dua litaran ini. Di sini, kedua-dua litaran ini adalah saling berhubung-kait sesama sendiri, masyarakat setempat dan keadaan sekeliling.

**Rajah 2.1 : Hubungkait Antara Litaran Atas Dengan Litaran Bawah**



(Sumber : Santos, 1975:19)